KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	18/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			



BANGKAI lembu tanpa kepala yang dipercayai dibaham harimau di Bukit Rekan Manis, Kampung Chabang, Kerteh, Kemaman pada Jumaat lalu.

Kosmo 18.1.2022_12

Harimau belang terus mengganas di Kerteh

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN – Seorang penternak lembu tergamam apabila menyaksikan salah seekor lembu peliharaan mati dalam keadaan ngeri terputus kepala dipercayai akibat dibaham harimau belang di Kampung Chabang, Kerteh di sini pada Jumaat lalu.

Ramli Mohamad, 62, berkata, serangan harimau terhadap lembu peliharaannya tersebut dikesan ketika dia mahu memberi makan haiwan itu yang ditempatkan di kebun miliknya di Bukit Rekan Manis berhampiran kawasan Air Terjun Menderu, Kerteh di sini.

"Saya mencari lembu betina berusia kira-kira setahun yang hilang itu apabila mendapati haiwan ternakan saya tidak cukup seekor.

"Mula-mula ingatkan, lembu itu tersesat atau terjatuh parit tetapi terkejut saya apabila menjumpai bangkai lembu itu dalam keadaan ngeri di kawasan alur sungai terletak kira-kira 100 meter dari kandang," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Kampung Chabang, Kerteh di sini semalam.

Cerita Ramli lagi, ketika ditemui kepala lembu itu terputus dengan kesan koyakan pada bahagian rahang dipercayai perbuatan harimau belang.

Katanya yang menternak lembu sejak tahun 2018, tambah menyakinkan, dia menjumpai banyak kesan tapak kaki haiwan dipercayai harimau belang di sekitar kawasan kebunnya.

"Esoknya (Sabtu), saya yang ditemani menantu lelaki, Mohd. Safwan Mat Pilus, 35, mendapati bangkai lembu betina tersebut telah hilang dipercayai dilarikan harimau terbabit.

"Saya syak harimau tersebut datang semula ke kebun saya pada awal pagi kelmarin (Sabtu lalu) untuk membawa keluar bangkai lembu terbabit," katanya.

Ramli menambah, bangkai lembu itu yang sebahagiannya sudah dimakan kemudiannya dijumpai di kawasan hutan berhampiran pada kelmarin sebelum memaklumkan kes itu kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Terengganu, Loo Kean Seong berkata, beliau telah mengarahkan anggotanya untuk turun padang menyiasat dakwaan tersebut.

Beliau menambah, pemantauan dan penilaian sedang dilakukan bagi mencari penyelesaian terbaik mengatasi masalah pencerobohan harimau belang.